

Diubahsuai pada: 1 Januari 2023

Dasar Privasi

Dasar Privasi ini ("**Dasar**") menerangkan cara Solv Sdn. Bhd. ("**SOLV**") mengumpulkan Maklumat Peribadi (ditakrifkan di bawah) daripada anda, bagaimana kami menyimpan, mengguna, memproses dan mendedah Maklumat Peribadi, dan langkah yang diambil untuk melindungi Maklumat Peribadi sedemikian.

Perkataan yang berhuruf besar yang digunakan dalam Dasar ini adalah ditakrifkan di bawah, dan perkataan yang berhuruf besar yang tidak ditakrifkan dalam Dasar ini akan diberikan maksud seperti dalam Syarat-Syarat Perkhidmatan di <https://scf-onboarding.solv.com.my/#/login>.

"**Kami**" merujuk kepada SOLV. "**Anda**" merujuk kepada bekas pelawat dan pelawat semasa laman web dan/atau Pengguna (ditakrifkan di bawah), seperti yang sesuai.

Dengan mengakses Laman Web atau menggunakan Perkhidmatan SOLV (ditakrifkan di bawah), anda telah membaca dan memahami, serta bersetuju untuk kami memproses Maklumat Peribadi anda mengikut Dasar ini. Dasar ini dimasukkan ke dalam dan adalah tertakluk kepada Syarat-Syarat Perkhidmatan yang boleh diakses di <https://scf-onboarding.solv.com.my/#/login>.

Selanjutnya, jika anda mengakses Perkhidmatan SOLV melalui Aplikasi Mudah Alih, mungkin terdapat syarat privasi lain (seperti syarat privasi yang dikenakan oleh kedai Aplikasi Mudah Alih seperti App Store (iOS), Android's (Google) Play Store, Microsoft's store) yang akan mengawal penggunaan Aplikasi Mudah Alih sebagai tambahan kepada Dasar ini.

Anda disyorkan untuk kembali ke halaman ini secara berkala untuk menyemak versi Dasar terkini.

SOLV komited dalam usaha mengekalkan kerahsiaan, integriti dan keselamatan semua Maklumat Peribadi Pengguna kami. Oleh itu, ia adalah penting untuk membaca Dasar secara keseluruhan bersama dengan Syarat-Syarat Perkhidmatan kami dengan teliti kerana terdapat beberapa peruntukan yang akan menjejaskan hak dan kewajipan undang-undang anda.

1. Definisi

Akaun bermaksud akaun yang dicipta oleh Pengguna di Laman Web selepas penyelesaian proses pendaftaran.

Wakil Sah bermaksud pekerja, pengarah dan/atau wakil sah Organisasi yang diberi kuasa khusus untuk mendaftar di Laman Web bagi pihak Organisasi untuk memohon Perkhidmatan SOLV.

CRA bermaksud agensi pelaporan kredit yang didaftar di Malaysia.

Maklumat Kredit bermaksud maklumat secara kolektif yang anda berikan kepada kami melalui Laman Web yang berkaitan dengan latar belakang kewangan anda dan maklumat lain yang diperoleh daripada CRA.

Aplikasi Mudah Alih bermaksud aplikasi yang dimiliki SOLV yang dicipta dan direka bentuk untuk digunakan pada pelbagai sistem pengendalian mudah alih, untuk membekalkan Perkhidmatan SOLV.

Organisasi bermaksud hak milikan tunggal yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, firma perkongsian yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian 1961, syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 (atau dahulunya, Akta Syarikat 1965), perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 atau pertubuhan perbadanan lain yang mungkin diterima oleh SOLV.

Pekongsi bermaksud pekongsi pihak ketiga SOLV yang mana SOLV boleh mendapatkan perkhidmatan tertentu yang berkaitan dengan Laman Web, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengedar atau pembekal anda, CRA, syarikat pengesahan, maklumat repositori, pembekal data analitik, gerbang pembayaran untuk membekalkan Perkhidmatan SOLV.

Platform bermaksud platform digital yang pada masa ini dalam bentuk alfa dan boleh diakses oleh pengguna tertentu yang dikendalikan dan diselenggara oleh SOLV, versi hadapan laman (*front-end*) yang boleh diakses melalui Laman Web.

Maklumat Peribadi adalah sebarang maklumat yang boleh digunakan untuk mengenal pasti anda atau maklumat di mana anda boleh dikenal pasti. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, warganegara, nombor telefon, butiran bank, alamat e-mel, imej anda, nombor pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan, data biometrik, bangsa, tarikh lahir, status perkahwinan, maklumat pekerjaan dan maklumat kewangan.

Pemprosesan bermaksud semua aktiviti yang melibatkan pengendalian data peribadi, seperti mengumpul, merekod, memegang, menyimpan, menyusun, menyesuaikan, mengubah, mendapat semula, mengguna, mendedah, menghantar, memindah, menyebarkan, membekal, menyelaras, menggabungkan, membetulkan, memadam, memusnahkan data peribadi, sama ada oleh SOLV atau mana-mana pihak ketiga, termasuk tanpa had, CRA, Pekongsi dan/atau Pembekal Perkhidmatan Pihak Ketiga.

Perkhidmatan SOLV bermaksud perkhidmatan pembekalan Laman Web dan Platform yang memudahkan (i) pembekalan perkhidmatan kewangan oleh Pembekal Perkhidmatan Pihak Ketiga kepada Pengguna, dan/atau (ii) perkhidmatan lain yang mungkin dibekalkan oleh SOLV di Platform dari semasa ke semasa.

Pembekal Perkhidmatan Pihak Ketiga bermaksud mana-mana pembekal perkhidmatan SOLV termasuk bank atau institusi kewangan bukan perbankan, CRA, pembekal perkhidmatan dan/atau pembekal logistik.

Maklumat Penggunaan bermaksud maklumat yang kami kumpulkan secara automatik tentang akses dan interaksi anda dengan Perkhidmatan SOLV.

Pengguna bermaksud mana-mana Wakil Sah atau Organisasi (mengikut keadaannya) yang berdaftar di Laman Web untuk penggunaan Perkhidmatan SOLV.

Data Pengguna bermaksud sebarang Maklumat Peribadi yang dikemukakan oleh Pengguna atau Wakil Sah bagi pihak Pengguna, kepada atau berkaitan dengan Perkhidmatan SOLV.

Laman Web bermaksud domain solv.com.my dan/atau Aplikasi Mudah Alih.

2. Maklumat yang Kami Kumpul

- 2.1 *Maklumat Yang Dibekalkan oleh Pengguna:* Dasar ini terpakai kepada Data Pengguna yang dikumpul daripada anda atau Pekongsi kami, seperti butiran yang berkaitan dengan nama, keturunan, warganegara, negeri dan/atau bandar tempat tinggal anda, alamat kediaman, alamat e-mel, tarikh lahir, jantina, nombor telefon hubungan dan/atau nombor telefon bimbit, ID pengguna, kata laluan, bukti kelayakan perbankan internet, butiran akaun bank, gambar terkini, imej tandatangan, bukti pendapatan, nombor percukaian, skor kredit, laporan maklumat kredit dan dokumen Kenali Pelanggan Anda (KYC) yang lain termasuk bukti identiti dan alamat, lesen memandu atau bukti identiti lain yang dikeluarkan oleh kerajaan, yang mungkin dikongsi dan/atau dimuat naik oleh anda, apabila dan semasa anda menggunakan mana-mana Perkhidmatan SOLV, dan yang SOLV mengambil maklum.
- 2.2 *Maklumat yang Kami Kumpul Secara Automatik:* Selain daripada maklumat yang dibekalkan oleh anda kepada kami, kami mengumpul Maklumat Penggunaan secara automatik. Maklumat Penggunaan ini adalah bahagian yang penting untuk meningkatkan pengalaman anda apabila anda menggunakan Laman Web kami dan membekalkan perkhidmatan yang lebih diperibadikan untuk anda. Kami mungkin menggunakan pelbagai teknologi untuk mengumpul dan menyimpan Maklumat Penggunaan yang berkaitan dengan Perkhidmatan SOLV. Ini mungkin termasuk perkara seperti kuki (*cookies*), storan web pelayar (sebagai contoh, HTML5), bikon web dan teknologi serupa. Terdapat tiga jenis Maklumat Penggunaan yang mungkin kami kumpulkan daripada anda:
- a. Maklumat Peranti. Ini adalah maklumat tentang cara anda mengakses Perkhidmatan SOLV, seperti sistem operasi, model perkakasan, aplikasi atau jenis dan versi pelayar web, dan pengecam unik yang berkaitan dengan peranti anda.
 - b. Maklumat Log. Terdapat maklumat tertentu yang kami kumpulkan secara automatik dalam log sistem atau fail serupa tentang cara anda berinteraksi dengan Perkhidmatan SOLV, seperti fungsi yang anda lawati atau klik. Maklumat Log ini juga mungkin termasuk alamat IP anda, pelayar atau konfigurasi peranti, tarikh dan masa akses dan maklumat kuki.
 - c. Maklumat Lokasi. Kami mungkin menggunakan maklumat tertentu seperti alamat IP anda, Maklumat Peranti lain atau Maklumat Log untuk menganggarkan lokasi anda (sebagai contoh, bandar atau negeri anda). Kami juga mungkin meminta anda menggunakan perkhidmatan yang didayakan lokasi pada peranti anda (yang biasanya membekalkan GPS atau butiran titik akses Wi-Fi) untuk menaiktaraf perkhidmatan kami. Kami hanya akan menggunakan perkhidmatan yang didayakan lokasi ini pada peranti anda dengan kebenaran anda.
- 2.3 *Bikon Web Pihak Ketiga dan Butang Pihak Ketiga:* Kami mungkin memaparkan kandungan pihak ketiga di Laman Web, termasuk pengiklanan pihak ketiga. Kandungan pihak ketiga mungkin menggunakan kuki, bikon web, atau mekanisme lain untuk mendapatkan data berkaitan dengan tontonan anda terhadap kandungan pihak ketiga di Laman Web. Selain itu, kami mungkin melaksanakan butang pihak ketiga (seperti butang "suka" atau "kongsi", butang media sosial, dan lain-lain) yang mungkin berfungsi sebagai bikon web walaupun anda tidak berinteraksi dengan butang tersebut. Maklumat yang dikumpul melalui bikon dan butang web pihak ketiga dikumpul oleh pihak ketiga secara langsung, bukan oleh SOLV. Maklumat yang dikumpul oleh pihak ketiga dengan cara ini adalah tertakluk kepada dasar pengumpulan, penggunaan dan pendedahan data pihak ketiga itu.

2.4 *Maklumat daripada Sumber Lain*: Banyak fungsi kami bergantung pada maklumat tentang anda yang kami kumpulkan daripada Pekongsi dan Pembekal Perkhidmatan Pihak Ketiga, seperti maklumat anda yang berkaitan dengan cukai jualan dan perkhidmatan, laporan cukai pendapatan, Maklumat Kredit, maklumat korporat anda, dan rekod yang disimpan oleh jabatan cukai pendapatan dan pihak berkuasa kerajaan lain atau Pekongsi kami.

3. Kebenaran

3.1 Dengan pembekalan Data Pengguna seperti yang dinyatakan di atas, anda membenarkan SOLV (termasuk saluran pemasarannya, Pekongsi dan Pembekal Perkhidmatan Pihak Ketiga) untuk menghubungi anda melalui SMS, panggilan, e-mel, pemberitahuan tolak, media sosial dan/atau saluran lain yang mungkin digunakan untuk komunikasi dari semasa ke semasa dan dengan komunikasi susulan berkaitan dengan Perkhidmatan SOLV, untuk menyampaikan maklumat produk, menawarkan tawaran promosi yang dijalankan di Laman Web, serta pelbagai tawaran lain yang ditawarkan oleh Pembekal Perkhidmatan Pihak Ketiga atau SOLV. Jika anda tidak ingin menerima komunikasi yang disebut di atas daripada kami atau jika anda ingin menarik balik sebarang kebenaran yang telah diberikan sebelumnya, sila hubungi SOLV melalui compliance@solv.com.my.

3.2 Penggunaan Laman Web juga mungkin memerlukan kebenaran anda untuk memasukkan atau memuat naik Data Pengguna anda (termasuk tetapi tidak terhad kepada ID pengguna dan kata laluan), sebagaimana yang mungkin diperlukan untuk memproses permohonan anda melalui Platform. Sebarang Data Pengguna yang perlu dimasukkan atau dimuat naik adalah diperlukan untuk membolehkan pemprosesan permohonan Perkhidmatan SOLV yang disediakan untuk anda tanpa kerumitan, lebih cepat dan tanpa kertas (setakat yang mungkin).

4. Laporan Maklumat Kredit

4.1 Maklumat Kredit anda adalah diperoleh daripada CRA, dan SOLV tidak mempunyai kawalan ke atas kandungan atau ketepatan maklumat yang disediakan dalam Maklumat Kredit tersebut daripada CRA. SOLV menerima maklumat ini daripada CRA setelah anda memberikan kebenaran/keizinan dalam templat yang disediakan dalam Syarat-Syarat Perkhidmatan untuk melantik SOLV secara sah sebagai ejen/wakil sah anda untuk menerima Maklumat Kredit anda dan juga memberikan kebenaran anda pada portal CRA bagi pihak anda.

4.2 Dengan mengizinkan kami untuk menerima laporan Maklumat Kredit anda, anda bersetuju bahawa SOLV dan CRA berhak bergantung pada pemerian kuasa dan kebenaran anda yang diberikan oleh anda kepada SOLV.

4.3 SOLV boleh menganalisis dan menggunakan Maklumat Kredit anda untuk membekalkan Perkhidmatan SOLV kepada anda. Sebarang output derivatif yang dibangunkan secara berdikari oleh SOLV boleh dikongsi dengan Pembekal Perkhidmatan Pihak Ketiga untuk membolehkan mereka membekalkan perkhidmatan kewangan kepada anda yang dipohon melalui Laman Web, dan anda membenarkan akses sedemikian oleh Pembekal Perkhidmatan Pihak Ketiga terhadap Maklumat Kredit anda.

5. Cara Kami Menggunakan Maklumat yang Kami Kumpulkan

Kami menggunakan Data Pengguna dalam pelbagai cara apabila membekalkan Perkhidmatan SOLV dan mengendalikan perniagaan kami, termasuk yang berikut:

- 5.1 Untuk beroperasi, menyelenggara, menaiktaraf dan membekal semua fungsi Perkhidmatan SOLV, untuk membekal perkhidmatan dan maklumat yang anda meminta, untuk membalas komen dan soalan atau untuk memberi sokongan kepada Pengguna, dan untuk memproses dan menghantar penyertaan dan ganjaran berkaitan dengan promosi yang mungkin ditawarkan dari semasa ke semasa di Laman Web.
- 5.2 Untuk latihan dan pemantauan kualiti.
- 5.3 Untuk mengakses Maklumat Kredit anda daripada CRA bagi pihak anda dan mencipta output derivatif berdikari kami daripada Maklumat Kredit untuk pembekalan Perkhidmatan SOLV.
- 5.4 Untuk memahami dan menganalisis trend penggunaan dan pilihan Pengguna kami, untuk menambah baik Perkhidmatan SOLV, dan untuk membangunkan produk, perkhidmatan, ciri dan/atau fungsi baharu.
- 5.5 Untuk menghubungi anda bagi tujuan pentadbiran seperti perkhidmatan pelanggan atau untuk menghantar komunikasi, termasuk kemas kini tentang promosi dan acara, berkaitan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh kami serta oleh pihak ketiga dan anda dengan ini memberi kebenaran untuk menerima komunikasi tersebut dengan bersetuju dengan syarat-syarat ini.

Kami mungkin menggunakan kuki dan Maklumat Penggunaan untuk: (i) memperibadikan Perkhidmatan SOLV, seperti mengingatkan maklumat anda supaya anda tidak perlu memasukkannya semula semasa lawatan anda atau pada kali seterusnya anda melawati atau menggunakan Laman Web; (ii) menyediakan iklan, kandungan dan maklumat yang disesuaikan; (iii) memantau dan menganalisis keberkesanan Perkhidmatan SOLV dan aktiviti pemasaran pihak ketiga; (iv) memantau metrik penggunaan laman web agregat seperti jumlah bilangan Pengguna, fungsi yang digunakan dan halaman yang dilihat; dan/atau (v) menjejaki interaksi, penyerahan, status atau aktiviti lain anda di Platform.

Kami tidak akan memegang Data Pengguna yang anda berikan untuk tempoh yang lebih lama daripada yang diperlukan untuk tujuan penggunaan maklumat itu secara sah atau yang diperlukan di bawah mana-mana undang-undang berkenaan yang berkuat kuasa pada masa tersebut. Selepas penyahaktifan Akaun mengikuti Syarat-Syarat Perkhidmatan, kami akan berhenti segala penggunaan dan pemegangan Data Pengguna kecuali untuk penyimpanan data bagi tujuan memenuhi kewajiban undang-undang yang berkenaan.

6. Apabila Kami Mendedahkan atau Memindahkan Maklumat Anda

Kecuali yang diterangkan dalam Dasar ini, kami tidak akan mendedahkan Data Pengguna kepada pihak ketiga tanpa kebenaran anda. Kami mungkin akan mendedahkan maklumat kepada pihak ketiga di dalam atau di luar Malaysia (jika berkenaan) dalam keadaan berikut:

- 6.1 Untuk mendapatkan perkhidmatan daripada Pengguna, Pembekal Perkhidmatan Pihak Ketiga atau Pekongsi - Kami memberikan Data Pengguna anda kepada Pembekal Perkhidmatan Pihak Ketiga kami

untuk membolehkan mereka membekalkan perkhidmatan pembiayaan kepada anda melalui Platform, dan kepada Pekongsi untuk mendapatkan maklumat daripada mereka, seperti yang diterangkan dalam Dasar ini. Kami mungkin berkongsi Data Pengguna anda dengan Pekongsi kami dan/atau Pembekal Perkhidmatan Pihak Ketiga. Kami juga mungkin membekalkan Data Pengguna anda kepada Pengguna lain untuk memudahkan transaksi anda dengan Pengguna tersebut di Platform.

- 6.2 Apabila kami bekerjasama dengan pihak ketiga untuk membekalkan atau menambah baik Perkhidmatan SOLV - Kami mungkin bekerjasama dengan pihak ketiga yang lain untuk membekalkan pembangunan laman web dan aplikasi, pengehosan, penyelenggaraan dan perkhidmatan lain untuk kami. Pihak ketiga ini mungkin mempunyai akses kepada atau memproses maklumat tentang anda dalam pembekalan perkhidmatan tersebut untuk kami. Secara amnya, kami mengehadkan maklumat yang diberikan kepada pembekal perkhidmatan ini kepada maklumat yang semunasabahnya diperlukan untuk mereka melaksanakan fungsi mereka, dan mereka dikehendaki bersetuju untuk mengekalkan kerahsiaan maklumat tersebut.
- 6.3 Sebagai bahagian daripada perubahan korporat - Data Pengguna mungkin didedahkan dan sebaliknya dipindahkan kepada pemeroleh, pengganti, atau pemegang serah hak sebagai sebahagian daripada sebarang penggabungan, pemerolehan, pembiayaan hutang, penjualan aset, atau transaksi serupa, atau sekiranya berlaku sebarang peristiwa insolvensi, kebangkrapan, atau penerimaan di mana maklumat dipindahkan kepada satu pihak ketiga atau lebih sebagai salah satu aset perniagaan kami.
- 6.4 Tujuan perniagaan atau pemasaran - Kami mungkin membekalkan maklumat agregat, dikumpul secara automatik atau bukan peribadi kepada pihak ketiga untuk pelbagai tujuan, termasuk (i) pematuhan dengan pelbagai kewajipan pelaporan; (ii) untuk tujuan perniagaan atau pemasaran; atau (iii) untuk membantu pihak tersebut memahami minat, tabiat, dan corak penggunaan Pengguna kami untuk program-program tertentu, kandungan, perkhidmatan, iklan, promosi dan/atau fungsi yang tersedia melalui Perkhidmatan SOLV.
- 6.5 Atas sebab undang-undang - Kami mungkin mendedahkan Data Pengguna jika dikehendaki oleh undang-undang yang berkenaan atau dengan kepercayaan murni bahawa tindakan tersebut adalah diperlukan untuk mematuhi undang-undang yang berkenaan, sebagai tindak balas kepada perintah mahkamah, sepina atau waran kehakiman/kerajaan lain, atau untuk bekerjasama dengan penguatkuasa undang-undang atau agensi kerajaan lain.
- 6.6 Dengan kebenaran anda - Ia mungkin berwujud konteks terhad lain di mana kami berkongsi jenis Data Pengguna tertentu dengan kebenaran anda.

7. Pilihan Privasi Anda

Anda berhak membuat pilihan untuk tidak berkongsi maklumat tertentu dengan kami, jika demikian kami mungkin tidak dapat membekalkan kepada anda beberapa ciri dan fungsi Laman Web dan/atau Platform. Anda boleh mengemas kini, membetulkan atau memadam maklumat Akaun dan pilihan anda pada bila-bila masa dengan mengakses halaman pilihan Akaun anda di Laman Web. Jika anda ingin memadam, mengakses atau meminda mana-mana Data Pengguna yang anda telah berkongsi dengan kami, anda boleh menghubungi kami melalui butiran hubungan kami yang terperinci di bawah. Jika anda ingin menarik balik kebenaran yang anda telah berikan kepada Dasar Privasi ini atau kepada Syarat-Syarat Perkhidmatan, anda boleh menghubungi kami melalui butiran hubungan kami yang terperinci di bawah.

Sila ambil perhatian bahawa walaupun sebarang perubahan yang anda buat akan ditunjukkan dalam pangkalan data pengguna aktif dalam tempoh masa yang munasabah, kami mungkin menyimpan semua maklumat yang anda serahkan untuk sandaran, pengarkiban, pencegahan kes penipuan dan penyalahgunaan, analitik, melaksanakan kewajipan undang-undang yang berkenaan, atau di mana kami secara munasabah percaya bahawa kami mempunyai sebab yang sah untuk membuat demikian.

Jika anda menerima e-mel komersial daripada kami, anda boleh menghentikan langganan pada bila-bila masa dengan mengikut arahan yang terkandung dalam e-mel tersebut. Anda juga boleh menarik diri (*opt out*) daripada penerimaan e-mel komersial daripada kami dengan menghantar permintaan anda kepada kami dengan menghubungi kami melalui butiran hubungan kami yang terperinci di bawah. Kami mungkin membenarkan anda melihat dan mengubah suai tetapan yang berkaitan dengan sifat dan kekerapan komunikasi promosi yang anda terima daripada kami melalui halaman pilihan Akaun di Laman Web.

Sila ambil perhatian bahawa jika anda menarik diri daripada penerimaan e-mel komersial daripada kami atau mengubah suai sifat atau kekerapan komunikasi promosi yang anda terima daripada kami, ia mungkin mengambil masa selama sepuluh (10) hari perniagaan untuk kami memproses permintaan anda, dan anda mungkin akan menerima komunikasi promosi daripada kami dalam tempoh tersebut. Selain itu, walaupun selepas anda menarik diri daripada penerimaan mesej komersial daripada kami, anda akan terus menerima mesej pentadbiran daripada kami mengenai Perkhidmatan SOLV yang anda memohon atau memilih.

Anda boleh memilih untuk menarik diri daripada perkhidmatan promosi SMS juga. Untuk menarik diri, hantar SMS <kata kunci dengan nombor akan ditakrifkan>. Sebaik sahaja anda menghantar permintaan tersebut, ia mungkin mengambil masa selama sepuluh (10) hari perniagaan untuk memproses permintaan anda. Selanjutnya, atas permintaan untuk menarik diri daripada komunikasi SMS, anda akan dapat menarik diri daripada hanya mesej promosi. Anda akan terus menerima mesej berkaitan dengan transaksi.

8. Keselamatan Data

Kami menggunakan perlindungan fizikal, pengurusan dan teknikal tertentu yang dicipta untuk meningkatkan integriti dan keselamatan maklumat yang kami kumpul dan kekalkan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang yang berkenaan. Kami telah melaksanakan piawai terkini untuk semua proses yang menyokong pembangunan dan penyampaian perkhidmatan SOLV. Harap maklum bahawa tiada langkah keselamatan adalah sempurna atau tidak boleh ditembusi. Kami tidak boleh dan tidak menjamin bahawa maklumat tentang anda tidak akan diakses, dilihat, didedahkan, diubah atau dimusnahkan oleh pelanggaran mana-mana perlindungan fizikal, teknikal atau pengurusan kami.

9. Kerahsiaan ID Log Masuk dan Kata Laluan

Anda bertanggungjawab untuk mengekalkan keselamatan ID log masuk dan kata laluan anda untuk Akaun anda dan tidak boleh memberikan maklumat ini kepada mana-mana pihak ketiga. Jika anda percaya bahawa maklumat tersebut telah dicuri atau diketahui orang lain, anda mesti menghubungi kami dengan segera melalui support@solv.com.my. Kami tidak bertanggungjawab jika orang lain mengakses Akaun anda melalui maklumat log masuk yang mereka perolehi daripada anda atau melalui pelanggaran oleh anda terhadap Dasar ini atau Syarat-Syarat Perkhidmatan kami.

10. Perubahan dan Kemas Kini Dasar ini

Kami mungkin meminda atau mengemas kini Dasar kami. Sila lawati halaman ini secara berkala untuk mengetahui sebarang perubahan kepada Dasar ini, yang kami mungkin kemas kini dari semasa ke semasa. Kami mungkin memberi anda notis tentang pindaan penting kepada Dasar ini, jika sesuai, dan mengemas kini tarikh "Terakhir Diubah Suai" di bahagian atas Dasar ini. Penggunaan berterusan Perkhidmatan SOLV anda mengesahkan penerimaan anda terhadap Dasar kami, seperti yang dipinda. Jika anda tidak bersetuju dengan Dasar kami, seperti yang dipinda, anda mesti berhenti menggunakan Perkhidmatan kami.

11. Hubungi Kami

Jika anda mempunyai sebarang kebimbangan atau soalan berkaitan dengan Dasar ini, anda boleh menghubungi SOLV melalui compliance@solv.com.my.